

BAT Malaysia diiktiraf Majikan Terbaik tahun 2021

BAT Malaysia diiktiraf Majikan Terbaik tahun 2021

KUALA LUMPUR

- British American Tobacco Malaysia Berhad (BAT Malaysia) telah diiktiraf sebagai Majikan Terbaik 2021 untuk tahun ketiga berturut-turut.



Anugerah Majikan Terbaik mengiktiraf dedikasi yang ditunjukkan oleh sesebuah organisasi untuk menyediakan amalan pekerjaan terbaik dalam kalangan syarikat setarafnya.

BAT Malaysia dalam kenyataan pada Rabu berkata, amalan cemerlang itu membolehkan kakitangan mengejar kemajuan diri secara peribadi dan profesional, sambil memastikan perniagaan mencapai keputusan cemerlang.

Menurut kenyataan itu, anugerah berkenaan turut mengiktiraf tumpuan BAT Malaysia untuk menerapkan budaya kakitangan yang gigih berusaha demi mencapai matlamat kami membina Hari Esok Lebih Baik.

"Kejayaan ini turut menyerlahkan kewibawaan BAT Malaysia sebagai sebuah syarikat yang memupuk budaya terpelbagai dan terangkum, dengan kakitangan yang memimpin dan mendorong satu sama lain dengan menzahirkan etos atau keperibadian syarikat, iaitu berani, bertanggungjawab, pantas, perkasa dan pelbagai," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Pengarah Urusan BAT Malaysia, Jonathan Reed berkata, mereka amat berbangga dipilih sebagai Majikan Terbaik buat tahun ketiga berturut-turut, sekali gus membuktikan amalan tadbir urus kakitangan terbaik mereka dalam kalangan syarikat setaraf.

Antaranya kata Reed, termasuk ganjaran organisasi, program pembangunan bakat dan usaha mewujudkan persekitaran yang selamat dan mendorong penglibatan kakitangan dalam keadaan masa kini yang mencabar.

Katanya, semua ini penting sambil kita membawa organisasi ke arah Hari Esok Lebih Baik dan pencapaian itu membuktikan usaha mereka untuk membina perniagaan lebih teguh, ringkas dan pantas yang mencerminkan etos syarikat.

"Etos kami, yang dirangka terutamanya berasaskan maklum balas kakitangan kami, ialah pegangan teras yang menjadi pedoman dalam segala yang kami lakukan dan cara kami melakukannya.

"Kami percaya etos ini memperkasakan kakitangan kami, mewujudkan tempat kerja yang ceria dan membawa manfaat kepada kakitangan dan mendorong penciptaan nilai mampan dalam jangka panjang," katanya.

Reed menambah, pengiktirafan ini amat penting khususnya pada masa-masa yang sukar ini.

"Bakat ialah aset kami yang paling penting. Oleh yang demikian, kami perlu kreatif dan menyesuaikan diri untuk memastikan pasukan kerja kami terus terhubung dan memainkan peranan walaupun dalam pandemik global," katanya.